

# JASAMU DIKENANG...

## Apa Kata Mereka?

"Tan Sri seumpama seorang arkitek pembinaan sebuah kota ilmu dan berjaya mentransformasikannya menjadi sebuah kampus yang terindah di rantau ini".

Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin, *Naib Canselor UMS*

"Dia mendengar, kemudian memberi nasihat. Itulah kebijaksanaan".

Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon,  
*TNC Penyelidikan dan Pembangunan*

"Sebagai seorang ketua, Tan Sri banyak menggunakan kaedah mentor iaitu kaedah kepimpinan melalui teladan dengan memberi tunjuk ajar serta nasihat yang konstruktif kepada para pegawai bawahannya. Inilah sebenarnya kaedah yang amat berkesan".

Prof. Dr. Mohd Zahedi Daud, *TNC Hal Ehwal Akademik*

"Kekuatan Tan Sri adalah kemampuannya dalam hal-ehwal pengurusan korporat. Aset terpenting beliau ialah "sense of urgency" nya, yang membolehkan beliau menangani semua urusan tepat pada waktunya".

Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Said, *Dekan SPKAL*

"Seorang pemimpin yang benar-benar memahami keperluan Sekolah Perubatan dan berusaha memenuhinya dengan bijaksana."

Prof. Dr. Osman Ali, *Dekan Sekolah Perubatan*

"Tan Sri adalah seorang yang senang didekati dan dibuat kawan, tetapi beliau juga seorang yang tegas dalam tanggungjawabnya. Saya amat berpuas hati bekerja dengan Tan Sri, yang darinya saya mendapat bimbingan tentang erti kerja keras dan komitmen".

Prof. Dr. Shuaib Che Din, *Dekan SPsiKS*

"Seorang yang sangat komited terhadap tugas-tugasnya. Kewibawaan dan pengalaman beliau telah banyak membantu dan mendorong kakitangannya untuk bertekad cemerlang".

Prof. Madya Dr. Mohd Ismail Abdullah, *Dekan SSMP*

"Seorang CEO yang serius menggerakkan agenda tempatan menggunakan acuan global".

Prof. Dr. Saleem Mustafa, *Pengarah IPMB*

"Tan Sri bukan sahaja seorang insan yang berjaya, malah amat menyanjung nilai-nilai murni. Beliau mengingatkan orang lain agar patuh kepada peraturan, bersedia melakukan sebarang bentuk kebaikan, tidak merendahkan orang lain, tenang dan bertimbangrasa dan menghormati orang lain".

Prof. Madya Dr. Rosnah Ismail, *Ketua UPsiKS*

"Kalau nak kenal watak Tan Sri, lihatlah UMS. UMS adalah manifestasi jiwa dan citranya".

Prof. Madya Hasan Mat Nor, *Dekan SSS*

"Sumbangan dan jasa bakti Tan Sri begitu besar sekali dan sukar untuk dinilai. Segala pengorbanan dan usaha beliau telah meletakkan suatu aras piawai yang bertaraf dunia. Tan Sri seorang yang kuat bekerja, bijaksana dan berhemah. Ketertibannya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab menjadi *role-model* seorang pemimpin yang berjiwa besar, dinamik dan disegani".

Prof. Madya Dr. A.K. Omang, *Pengarah PKKP*

"Personaliti yang memahami dan menghayati nilai-nilai estetika seni yang terus menerus menyokong pembangunan kesenian dan kebudayaan Malaysia di kampus Universiti Malaysia Sabah".

Prof. Madya Abdul Jamal Abd. Hamid, *Dekan SPS*